SinarHarian SinarOnline SinarHarian sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official

>> KHAS > COVID-19 > Permohonan vaksin AstraZeneca bermula esok: KJ

# Permohonan vaksin AstraZeneca bermula esok: KJ

MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN | | 01 Mei 2021



Khairy Jamaluddin

Abdul Hamid perlu buat laporan: Takiyuddin
Ikuti berita terkini dari Sinar Harian
Anda akan menerima notifikasi

A- A+

Baca cerita seterusnya >
Tidak Ya
Powered by iZooto

KUALA LUMPUR - Pemohon sukarela yang mahu menerima vaksin AstraZeneca boleh mendaftar di laman web vaksincovid.gov.my bermula esok (Ahad) pada Jam 12 tengah hari.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata, pemohon yang berdaftar boleh memilih tarikh dan pusat pemberian vaksin (PPV) bagi mendapatkan vaksin tersebut.

"Setelah memilih PPV dan tarikh, pemohon akan diberitahu mengenai masa vaksinasi mereka di MySejahtera atau melalui sms.

"PPV yang ditetapkan untuk vaksin AstraZeneca adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), World Trade Center KL (WTCKL) dan di Pusat Konvensyen IDCC Shah Alam.

"Berita mengenai sesetengah hospital yang mengambil tempahan bagi pemberian vaksin AstraZeneca adalah tidak benar," katanya dalam satu ciapan di Twitter pada Sabtu.

Katanya, pemberian vaksin tersebut hanya terbuka kepada 268,000 orang penduduk di sekitar negeri Selangor serta Kuala Lumpur yang pertama berjaya mendaftar di laman sesawang JKJAV.

"Sekiranya pemberian vaksin tersebut berjaya, JKJAV akan memulakan pemberian ke negeri lain bergantung kepada penghantaran vaksin itu," katanya

Pada Rabu, Khairy berkata, vaksin AstraZeneca akan diberikan secara sukarela menerusi PPV khas, dalam masa terdekat.

Beliau berkata, tindakan itu diambil selepas menimbangkan kegusaran dalam kalangan masyarakat ketika ini terhadap tahap keselamatan vaksin berkenaan yang sebelum ini dikaitkan dengan insiden pembekuan darah yang jarang berlaku di beberapa negara.

Paling Terkini: Pemilik, pengunjung kelab malam dikompaun RM180,000 ×

Khairy Jamaluddin Abu Bakar     AstraZeneca

**TERKINI** | POPULAR

1 Pemilik, pengunjung kelab malam dikompaun RM180,000

2 Syukur biskut raya masih dapat sambutan

3 Tujuh lagi sekolah ditutup di Negeri Sembilan

4 Covid-19: UK akan hantar 1,000 lagi ventilator ke India

5 Dua warga Malaysia antara 14 kes komuniti di Singapura

**Abdul Hamid perlu buat laporan: Takiyuddin**

Baca cerita seterusnya >

Ikuti berita terkini dari Sinar Harian
Anda akan menerima notifikasi
Tidak Ya
Powered by iZooto

*Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini: https://info.sinarharian.com.my/koronavirus*

**Apakah reaksi anda?** 4 votes Powered by Vuukle

| Gembira | Biasa Jer | Terhibur | Teruja | Marah | Sedih |
|---|---|---|---|---|---|
| 0% | 75% | 0% | 0% | 25% | 0% |

75%

## Artikel Berkaitan



Tiada caj suntikan vaksin Covid-19 di hospital, klinik swasta

PUTRAJAYA – [DIKEMAS KINI] Individu yang mendapat temu[...]ntuk suntikan vaksin Covid-19 di hospital atau klinik swasta tidak perlu membayar...

**Abdul Hamid perlu buat laporan: Takiyuddin**

**Baca cerita seterusnya** >

Ikuti berita terkini dari Sinar Harian
Anda akan menerima notifikasi
Tidak Ya
Powered by iZooto



### Vaksin diuji terlebih dahulu sebelum masuk Malaysia

REMBAU - Vaksin Covid-19 yang dibeli kerajaan Malaysia daripada syarikat Pfizer dan Astrazeneca telah diuji secara klinikal kepada puluhan ribu...



### Daftar melalui MySejahtera untuk pengambilan vaksin secara sukarela

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan menambahkan ciri pendaftaran vaksinasi pada aplikasi pengesanan kontak MySejahtera setelah Pelan Vaksinasi Kebangsaan...



### Proses daftar vaksin juga sebahagian janji temu: Khairy

KUALA LUMPUR - Proses pendaftaran sebagai penerima vaksin Covid-19 adalah sebahagian daripada membuat janji temu, demikian menurut Menteri Sains,...



### Malaysia timbang pemerolehan vaksin Covid-19 CanSino

PUTRAJAYA - Malaysia mungkin akan meneruskan proses pemerolehan vaksin Covid-19 CanSino dari China yang merupakan vaksin satu dos, kata Menteri...



### Kerajaan teliti cadangan vaksin percuma kepada pekerja asing

KUALA LUMPUR - Kerajaan sedang meneliti untuk mempertimbangkan pemberian vaksin Covid-19 secara percuma kepada pekerja dan warga asing yang tinggal di...

## Abdul Hamid perlu buat laporan: Takiyuddin

KOTA BHARU - Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador perlu mengemukakan laporan sekiranya dakwaan berkait dengan campur tangan politik dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu benar.

**Sinarharian**


## Sign up today and save up to 55% on your shipping rates

**FedEx Express** | Sponsored


**Abdul Hamid perlu buat laporan: Takiyuddin**

**Baca cerita seterusnya** >


Ikuti berita terkini dari Sinar Harian
Anda akan menerima notifikasi

Tidak Ya

Powered by iZooto

## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

**Abdul Hamid perlu buat laporan: Takiyuddin**

Ikuti berita terkini dari Sinar Harian

Anda akan menerima notifikasi

Baca cerita seterusnya

Tidak

Ya

Powered by iZooto